

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, February 17, 2020 3:08 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar Perlu Rebut Peluang Pasaran Perniagaan Di Kampus



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 FEBRUARI 2020 / 23 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Azhar Jamil
Gambar oleh: CEDI

PELAJAR PERLU REBUT PELUANG PASARAN PERNIAGAAN DI KAMPUS



UUM ONLINE: Seramai 354 pelajar baharu Semester Kedua Sesi 2019/2020 telah mendapat manfaat tentang ilmu keusahawanan pada sesi taklimat bersama Pengarah Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) di INASIS TM, baru-baru ini.

Dalam taklimat itu, Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam berkata, visi CEDI sebagai pusat keusahawanan adalah untuk memberi sokongan kepada pelajar untuk menjalankan perniagaan di dalam kampus.

Menurutnya, pasaran di dalam kampus adalah dalam anggaran 20,000 termasuk pelajar, pensyarah, kakitangan UUM dan anak syarikat yang menjadikan jumlah pasarannya yang begitu luas untuk diteroka dan direbut pelajar.

Katanya, pelbagai tempat perniagaan juga telah disediakan daripada berpremis sehingga perniagaan tanpa premis.

"Perniagaan berpremis memerlukan pelajar menyewa premis yang disediakan di UUM, manakala tanpa premis iaitu tapak perniagaan sementara terdapat di DKG 1 hingga DKG 6 termasuk di perpustakaan.

"Bagi pelajar yang ingin menjalankan perniagaan di kampus, mereka perlu memohon Lesen A bagi berpremis dan Lesen B bagi perniagaan tidak berpremis, manakala bagi Lesen B pelajar hanya perlu membayar RM5 bagi tempoh setahun," katanya.

Beliau berkata, CEDI juga menyediakan kemudahan pinjaman perniagaan kepada pelajar dari semester dua hingga empat yang berkecualan sahaja untuk memulakan perniagaan.

Selain itu, menurutnya, CEDI berperanan dalam menyediakan pelbagai latihan keusahawanan yang mendapat pembiayaan dana dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada pelajar yang berminat.

"Pada masa ini terdapat empat program keusahawanan yang telah mendapat pembiayaan dana dari KPM iaitu *Future Learning Education Development* (FULED), *MyAgrosis*, *Asnaf* dan *Utara Creativepreneur Incubator* (UCI) yang mana penyertaan pelajar untuk program-program ini adalah terhad kepada 20 hingga 25 orang sahaja bagi setiap program.

"Saya juga ingin menyarankan agar pelajar dapat menyertai program keusahawanan sosial dengan menyertai Kelab ENACTUS dalam membantu masyarakat yang memerlukan di luar sana," katanya.

Pada sesi itu, beliau turut mengalukan pelajar baharu untuk menjalankan perniagaan di lot kafetaria pelajar yang disediakan di setiap kafetaria INASIS.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.